

MALAYSIA...DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA

INSPIRASI JALUR GEMILANG

» Lambang kemegahan, kedaulatan negara

Oleh Rasyiqah Ilmi Abd Rahim
rasyiqah@bh.com.my

Malam 30 Ogos 1957, Padang Kelab Selangor bermandi cahaya dan lautan manusia. Rakyat pelbagai kaum, jauh dan dekat hadir dengan satu matlamat iaitu meraikan detik pembebasan negara daripada belenggu penjajahan Inggeris.

Ketika itu, perbezaan agama dan budaya, jurang sosial dan komunikasi serta fahaman politik dipinggirkan, malah beza warna kulit tidak langsung diambil peduli.

Tepat jam 12 tengah malam malam, padang di kelab berprestij itu bergema dengan laungan 'Merdeka!' seiring upacara menaikkan Bendera Persekutuan Tanah Melayu. Detik itu juga, lagu Negaraku diperdengarkan kepada umum. Selama berkun di bawah pemerintah asing, malam itu, bendera Union Jack 'turun takhta'.

Menurut Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, bendera adalah sebidang kain yang diperagakan bagi menunjukkan tanda dan lambang kewujudan yang juga dikenali sebagai panji dan obor. Ia dilihat simbol aspirasi rakyat yang menginginkan kehidupan aman, makmur, maju dan bersatu padu.

Wujud sebelum merdeka

Jalur Gemilang yang dilihat sekarang sebenarnya wujud beberapa tahun sebelum negara merdeka. Sejarah sepintas lalu merekodkan Bendera Persekutuan Tanah Melayu diilhamkan menerusi satu pertandingan mereka cipta bendera peringkat kebangsaan.

Pertandingan diselenggarakan Jawatankuasa Khas dan dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara ketika itu, Sir Alec Newbould bagi mencari lambang kewujudan kerajaan Persekutuan.

Pada 15 November 1949, jawatankuasa ini mengemukakan 373

reka bentuk bendera kepada Majlis Perundangan Persekutuan untuk pertimbangan dan pemilihan. Daripada jumlah itu, tiga rekaan disenarai pendekkan membabitkan lambang keris bersilang dikelilingi 11 bintang pecah lima, manakala rekaan kedua mempertaruhkan reka bentuk hampir serupa kecuali 11 bintang pecah lima membentuk dua bulatan mengelilingi keris bersilang.

Bagaimanapun, rekaan ketiga ciptaan arkitek Jabatan Kerja Raya Johor, Mohamed Hamzah yang menampilkan 11 jalur biru-putih dengan bulan bintang berwarna putih di bahagian tepi kiri mendapat pilihan majoriti dan perkenan Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang berlangsung pada 22 dan 23 Februari 1950.

Beberapa pindaan telah dibuat

Sebelum kekal dengan rekaan sekarang, beberapa pindaan dibuat termasuk mengikut cadangan Sultan Kedah yang meminta warna putih bulan sabit ditukar kuning bagi mewakili warna diraja.

Pada 19 April 1950, Majlis Perundangan Persekutuan menerusi perkenan Majlis Raja-Raja Melayu meluluskan usul yang dibentangkan pemangku Ketua Setiausaha Negara mengenai Bendera Persekutuan Tanah Melayu.


Pada 26 Mei tahun yang sama, bendera itu dikibarkan buat pertama kalinya di Istana Sultan Selangor, Kuala Lumpur. Majlis pengibaran yang berlangsung pada jam 9.30 pagi itu dihadiri wakil sultan seluruh Tanah Melayu.

Selama 47 tahun pada kemerdekaan ke-40 tahun 1997, bendera Malaysia dinamakan Jalur Gemilang. Nama diusulkan pegawai dari Jabatan Muzium Negara dan Antikuiti, Redzuan Tamin dalam satu peraduan membabitkan pihak tertentu ini berjaya menewaskan 28 cadangan antaranya, Malaysia Raya, N.U.S.A. Mega Sakti, Saga Merah dan sebagainya.

Lokasi penting



#INI MALAYSIA KITA



Jalur Gemilang

© Ilham untuk menamakan **bendera Malaysia kepada**

Jalur Gemilang diusulkan Datuk Hashim Mat Idris.

Cadangan berkenaan dikemukakan kepada mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 11 Julai 1995.

© Pada 1 Julai 1996, urus setia mengemukakan **75 cadangan**

berserta ulasan dan huraian. Tiga nama disenarai pendekkan iaitu Setia Perkasa, Seri Setia Perkasa dan Setia Negara. Bagaimanapun, ia ditolak oleh jemaah menteri ketika mesyuarat pada 11 September 1996.

© **28 nama** lagi dicadangkan dan pada 2 Jun 1997, tiga nama dicalon mengikut keutamaan iaitu Jalur Gemilang, Jalur Nusa Gemilang dan Jalur Sinar Gemilang.

© Pengisytiharan Jalur Gemilang dilakukan oleh Dr Mahathir pada **31 Ogos 1997, jam 11.58** di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

© Lambang jalur pada bendera menggambarkan **satu laluan lurus**, hala tuju dan arah yang sama dianuti rakyat negara ini.

© Gemilang bermaksud bercahaya, terang benderang dan cemerlang. Jalur Gemilang melambangkan kecemerlangan negara dan rakyat Malaysia dalam mengharungi suasana **kehidupan dengan penuh gigih, taat dan bersatu padu** bagi menjaga nama dan menaikkan imej negara.

Warna Jalur Gemilang

Merah - Kesungguhan, keberanian, kegagahan rakyat menghadapi segala cabaran

Kuning - Kesetiaan rakyat kepada Raja dan negara

Biru - Penyatuan dan keharmonian antara kaum

Putih - Keluhuran dan keikhlasan

Tarikh
31 Ogos **1957**

Lagu Kebangsaan
Negaraku

Bendera
Jalur Gemilang

Laungan Keramat
Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka!